



JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

TEKS KHUTBAH

Tajuk :

TUNAIKAN TANGGUNGJAWAB

Tarikh Dibaca :

**23 RABIULAKHIR 1444H/
18 NOVEMBER 2022M**

Disediakan oleh :

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia



إِذْنَ كَمَا جَاءُوا إِسْلَامًا مَلِيْسِيَا
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

TUNAIKAN TANGGUNGJAWAB

18 NOVEMBER 2022 / 23 RABIULAKHIR 1444H

أَحْمَدُ لِلَّهِ الْقَائِلُ:

﴿أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ﴾

قُلِ اللَّهُمَّ مَلِكُ الْمُلْكِ تُؤْتِي الْمُلْكَ مَنْ تَشَاءُ وَتَنْزِعُ الْمُلْكَ مِمَّنْ تَشَاءُ وَتُعِزُّ مَنْ تَشَاءُ

وَتُذِلُّ مَنْ تَشَاءُ بِيَدِكَ الْخَيْرُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ۝٦٦

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ

صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى نَبِيِّنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ دَعَا بِدَعْوَتِهِ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ،

فِيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ وَطَاعَتِهِ لَعَلَّكُمْ تَفْلِحُونَ.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Bertakwalah kepada Allah SWT dengan bersungguh-sungguh melaksanakan segala perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kehidupan kita sentiasa diberkati Allah SWT. Khatib ingin mengingatkan sidang jemaah sekalian agar menumpukan sepenuh perhatian kepada khutbah yang akan disampaikan dan tidak melakukan perkara yang *lagha* (sia-sia) seperti berbual-bual atau bermain telefon berdalilkan hadis dalam Sunan Abi Daud, daripada Ali RA, bahawa beliau mendengar Nabi SAW bersabda:

وَمَنْ لَغَا فَلَيْسَ لَهُ فِي جَمْعَتِهِ تِلْكَ شَيْءٌ

Maksudnya: *“Dan barangsiapa yang lagha maka dia tidak mendapat bahagiannya daripada Jumaatnya itu”.* (Hadis riwayat Abu Daud)

Pada hari ini, khatib akan menyampaikan khutbah yang bertajuk: **“Tunaikan Tanggungjawab”**.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Kerancangan Pilihan Raya Umum Ke-15 bakal tiba ke kemuncaknya apabila pada hari esok iaitu 19 November 2022, para pengundi akan melaksanakan tanggungjawabnya menentukan pemimpin negara. Setelah beberapa minggu khutbah menekankan tentang kriteria dan tanggungjawab pemimpin terhadap amanahnya, maka pada khutbah kali ini pula, khatib ingin menekankan tentang tanggungjawab pengundi sebagai warganegara. Hal ini penting bagi memastikan para pengundi memiliki rasa kebertanggungjawaban yang tinggi dalam menunaikan tanggungjawab mengundi serta memilih calon yang tepat.

Pertamanya, para pengundi perlu menilai dan meneliti calon-calon yang bertanding. Pasti keutamaan mestilah dilihat kepada calon yang berintegriti, amanah dan melaksanakan setiap tanggungjawab yang diberikan. Calon yang dipilih juga mestilah mampu membimbing kita mendekati diri kepada Allah SWT dan meningkatkan ketakwaan dalam diri. Kita tidak mahu di akhirat kelak, kita termasuk dalam golongan yang menyesal atas kesesatan yang dibawa oleh pemimpin sebagaimana diceritakan dalam Surah al-Ahzab ayat 66 – 68 tentang penyesalan penghuni neraka:

يَوْمَ ثَقَلَتْ جُوهُهُمْ فِي النَّارِ يَقُولُونَ يَلَيْتَنَّا أَطَعْنَا اللَّهَ وَأَطَعْنَا الرَّسُولَ ۖ وَقَالُوا رَبَّنَا إِنَّا

أَطَعْنَا سَادَتَنَا وَكُبَرَاءَنَا فَأَضَلُّونَا السَّبِيلًا ۗ رَبَّنَا آتِهِمْ ضِعْفَيْنِ مِنَ الْعَذَابِ وَالْعَنَهُمْ لَعْنًا

كَبِيرًا ۗ

Maksudnya: *“Pada masa muka mereka dibalik-balikkan dalam neraka, mereka berkata (dengan sesalnya): “alangkah baiknya kalau kami dahulu (semasa di dunia) taat kepada Allah serta taat kepada Rasul Allah”. Dan mereka berkata lagi: “Wahai Tuhan Kami!*

Sesungguhnya kami telah mematuhi kehendak ketua-ketua dan orang-orang besar kami, lalu mereka menyesatkan kami dari jalan yang benar”. “Wahai Tuhan Kami! Berilah mereka azab sengsara dua kali ganda dan laknatkanlah mereka dengan laknat yang sebesar-besarnya”.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Seterusnya yang **kedua**, para pengundi boleh meneliti sedalam-dalamnya setiap manifesto berdasarkan ilmu dan kefahaman yang jelas. Penelitian juga perlu dilihat berdasarkan relevannya serta keperluan semasa terhadap negara dan rakyat seluruhnya. Manifesto-manifesto tersebut juga perlu ditimbang dengan dilihat juga kepada situasi ekonomi dunia umumnya dan ekonomi negara khususnya. Manifesto yang dikemukakan sebelum pilhan raya kebanyakan sangat menarik hati namun perlu dipastikan adakah ia mampu dilaksanakan berdasarkan kepada situasi semasa negara yang baru sahaja bangkit dari pandemik Covid-19 dan ketidaktentuan ekonomi semasa.

Ketiga, pastinya kita perlu beristikharah (memohon petunjuk daripada Allah SWT) dan beristisyyarah (memohon panduan daripada orang-orang yang lebih mengetahui berdasarkan kepakaran bidang masing-masing) untuk membuat penilaian terhadap calon dan manifesto. Kedua-dua kaedah ini sebenarnya kaedah paling asas dan paling penting bagi kita umat Islam. Kita menyedari keterbatasan pengetahuan kita dan kita meyakini bahawa Allah SWT Maha Mengetahui segala perkara yang zahir mahupun yang tersembunyi. Maka, hanya kepada Allah SWT jualah tempat selayaknya kita memohon petunjuk dalam situasi sebegini. Perbanyakkan berdoa kepada Allah SWT agar setiap keputusan yang kita buat mendapat bimbingan dan petunjuk dari-Nya. Ada beberapa doa yang boleh kita amalkan, antaranya;

اللَّهُمَّ وَلِّ أُمُورَنَا خَيْرًا ، وَلَا تَوَلِّ أُمُورَنَا شَرًّا

Maksudnya: “Ya Allah! Lantiklah untuk urusan kami (pemerintahan) orang-orang yang terbaik dalam kalangan kami. Janganlah Engkau lantik untuk urusan kami orang-orang yang terburuk dalam kalangan kami”. (Lihat *Ibtihalat wa Da’awat* oleh al-Marhum Dr. Yusuf al-Qaradhawi)

Abd al-Samad bin Yazid al-Baghdadi berkata bahawa dia pernah mendengar Fudhail bin 'Iyadh Rahimahullah berkata;

لَوْ أَنَّ لِي دَعْوَةً مُسْتَجَابَةً مَا صَيَّرْتُهَا إِلَّا فِي الْإِمَامِ

Maksudnya: "Seandainya aku memiliki doa yang mustajab, aku akan tujukan doa tersebut pada pemimpinku".

Kemudian ditanya kepada Fudhail, "Kenapa begitu?" Lantas jawabnya: "Jika aku tujukan doa tersebut pada diriku sahaja, maka itu hanya bermanfaat untukku. Namun jika aku tujukan untuk pemimpinku, maka rakyat dan negara akan mendapat manfaat dan kebaikan secara umum".¹

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Keempat, para pengundi perlu melaksanakan tanggungjawab masing-masing dengan turun mengundi bagi menentukan kepemimpinan negara. Kita mesti sedar bahawa ia merupakan hak dan kewajiban setiap rakyat yang akan menentukan masa depan negara. Kewajipan mengundi termasuk antara amanah yang akan dipertanggungjawabkan di akhirat kelak. Ingatlah firman Allah SWT:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا تَخُونُوا اللَّهَ وَالرَّسُولَ وَتَخُونُوا أَمْنَتِكُمْ وَأَنْتُمْ تَعْلَمُونَ ٢٧

Maksudnya: "Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu mengkhianati (amanah) Allah dan Rasul-Nya, dan (janganlah) kamu mengkhianati amanah-amanah kamu, sedang kamu mengetahui (salahnya)". **(Surah al-Anfal ayat 27)**

Kepada calon yang dipilih, khatib ingin meninggalkan beberapa pesanan agar ia sentiasa tersemat dalam hati. Antaranya, pesanan Rasulullah SAW kepada Abu Dzar:

يَا أَبَا ذَرٍّ إِنَّكَ ضَعِيفٌ وَإِنَّهَا أَمَانَةٌ وَإِنَّهَا يَوْمَ الْقِيَامَةِ خِزْيٌ وَنَدَامَةٌ إِلَّا مَنْ أَخَذَهَا بِحَقِّهَا وَأَدَّى الَّذِي عَلَيْهِ فِيهَا

¹ Lihat *Hilyah al-Auliya'*, 8/77

Maksudnya: *“Wahai Abu Dzar! Kamu ini lemah (untuk memegang jawatan) padahal jawatan merupakan amanah. Pada hari kiamat, ia merupakan kehinaan dan penyesalan, kecuali bagi sesiapa yang mengambilnya dengan benar dan melaksanakan tugas dengan baik”. (Hadis riwayat Imam Muslim)*

Saidina Abu Bakar RA, ketika dilantik menjadi khalifah pertama, beliau menyampaikan satu ucapan yang penuh keinsafan. Antara sebahagian ucapannya:

*“Wahai sekalian manusia, sesungguhnya aku telah dipilih untuk memimpin kamu, dan aku bukanlah yang terbaik dalam kalangan kamu. Sekiranya aku berada di atas landasan benar, maka bantulah aku, dan sekiranya aku melakukan kesilapan, maka betulkanlah aku. Kebenaran adalah satu amanah dan dusta itu adalah satu pengkhianatan”.*²

Akhir sekali, patuhlah kepada peraturan yang telah ditetapkan oleh Suruhanjaya Pilihan raya sepanjang proses pengundian. Tidak perlu menimbulkan sebarang bentuk provokasi atau gangguan kepada proses pilihan raya. Mudah-mudahan proses pengundian berjalan lancar dalam suasana harmoni dan tenteram. Semoga kita semua lebih matang dalam melaksanakan tanggungjawab sebagai pengundi.

Firman Allah SWT:

الَّذِينَ إِنْ مَكَّنَّاهُمْ فِي الْأَرْضِ أَقَامُوا الصَّلَاةَ وَعَاتَوْا الزَّكَاةَ وَأَمَرُوا بِالْمَعْرُوفِ وَنَهَوْا عَنِ الْمُنْكَرِ ۗ وَاللَّهُ عَقِيبَةُ الْأُمُورِ ۝٤١

Maksudnya: *“Iaitu mereka (umat Islam) yang jika Kami berikan mereka kekuasaan memerintah di bumi nescaya mereka mendirikan solat serta memberi zakat, dan mereka menyuruh berbuat kebaikan serta melarang dari melakukan kejahatan dan perkara yang mungkar. Dan (ingatlah) bagi Allah jualah kesudahan segala urusan”.*

² Rujuk Sirah Ibn Hisyam, 4/240 dan 'Uyun al-Akhbar Ibn Qutaibah, 2/234

بَارَكَ اللهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللهَ الْعَظِيمَ لِي وَلِكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأَمِينِ، وَعَلَى آلِهِ
 وَأَصْحَابِهِ الطَّاهِرِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
 أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ.
 أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ أَوْصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ وَطَاعَتِهِ فَقَدْ فَازَ
 الْمُتَّقُونَ.

SIDANG JEMAAH YANG DIKASIHI SEKALIAN,

Bertakwalah kepada Allah SWT dengan sebenar-benar takwa supaya kita mendapat keredhaan-Nya. Khatib juga ingin menyeru kepada seluruh umat Islam di negara ini supaya kekal bersatu padu atas dasar Islam. Sesungguhnya persaudaraan Islam itu sangat mahal harganya. Hentikanlah segala percakaran dan tinggalkanlah segala perselisihan kerana ia hanya merugikan agama, bangsa dan negara. Walau apa jua perbezaan yang ada, Islam menuntut kepada kesatuan ummah dan bukan alasan untuk saling bermusuhan.

Pada hari yang mulia ini juga, marilah kita memperbanyakkan berselawat ke atas kekasih kita, Nabi Muhammad SAW sebagaimana perintah Allah SWT dalam Surah al-Ahzab ayat 56:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا
 تَسْلِيمًا ٥٦

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى
 آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا
 إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مُجِيدٌ.
 وَأَرْضِ اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ وَعَنْ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ أَجْمَعِينَ، وَعَنْ التَّابِعِينَ وَتَابِعِي
 التَّابِعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ وَأَرْضِ عَنَّا مَعَهُمْ يَا أَكْرَمَ الْأَكْرَمِينَ.
 اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ.

اللَّهُمَّ أَيْدٍ بِدَوَامِ التَّوْفِيقِ وَالْهُدَايَةِ وَالصِّحَّةِ وَالسَّلَامَةِ جَلَالَةَ مَلِكِنَا كِبَاوَهُ دَوْلِي يَغِ
مَهَا مَوْلِيَا سِرِي قُدُوكَ بَكِينِدَا يَغِ دَفْرَتَوَانِ اِكُوغِ، السُّلْطَانَ عَبْدَ اللَّهِ رِعَايَةَ الدِّينِ
المُصْطَفَى بِاللَّهِ شَاهِ ابْنِ المَرْحُومِ سُلْطَانَ حَاجِ أَحْمَدِ شَاهِ المُسْتَعِينِ بِاللَّهِ.

وَكَذَلِكَ كِبَاوَهُ دَوْلِي يَغِ مَهَا مَوْلِيَا سِرِي قُدُوكَ بَكِينِدَا رَاجِ قَرْمَايسُورِي اِكُوغِ،
تُونُوكُو حَاجِهِ عَزِيزِهِ أَمِينِهِ مِيمُونِهِ إِسْكَندَرِيهِ بِنْتِ المَرْحُومِ المَتُوكَّلِ عَلَى اللَّهِ
سُلْطَانَ إِسْكَندَرَ الحَاجِ.

اللَّهُمَّ احْفَظْ عُلَمَاءَهُ وَوُزَرَآءَهُ وَقُضَاتَهُ وَعَمَّالَهُ وَرِعَايَاهُ مِنَ المُؤْمِنِينَ وَالمُؤْمِنَاتِ
بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ اجْعَلْ بِلَدَنَا مَالِيزِيَا آمِنًا مُطْمَئِنًّا، سَخَاءً رِخَاءً، دَارَ عَدْلٍ وَإِيمَانٍ، وَأَمْنٍ وَأَمَانٍ،
وَسَائِرِ بِلَادِ المُسْلِمِينَ.

اللَّهُمَّ أَعِزِّ الإِسْلَامَ وَالمُسْلِمِينَ، وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ وَأَنْصِرْ مَنْ نَصَرَ الدِّينَ،
وَاخْذَلْ مَنْ خَذَلَ المُسْلِمِينَ، وَأَعْلِ كَلِمَتَكَ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا البَلَاءَ وَالعَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالفَحْشَاءَ وَالمُنْكَرَ وَالمُحْنَ وَالفِتْنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا
وَمَا بَطَنَ، مِنْ بِلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَمِنْ بِلَدَانِ المُسْلِمِينَ عَامَّةً، إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ
قَدِيرٌ. اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُودُ بِكَ مِنَ البَرَصِ، وَالجُنُونِ، وَالجُدَامِ، وَمِنْ سَيِّئِ الأَسْقَامِ، يَا
أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

Ya Allah! Dengan sifat-Mu Yang Maha Pemurah dan Maha Mendengar! Engkaulah yang Maha Berkuasa atas tiap-tiap sesuatu. Kami hamba-Mu yang lemah, merayu agar Engkau ampunkan segala dosa yang telah kami lakukan. Ya Allah! Cukupkanlah kami dengan rezeki yang halal dan jauhkanlah kami dari rezeki yang haram. Cukupkanlah kami dengan kurniaan-Mu dari bergantung kepada selain-Mu. Hindarkanlah kami dari sebarang fitnah, bala bencana, waba' penyakit, perbuatan-perbuatan keji dan munkar, seperti rasuah, salah guna kuasa dan hiburan yang melalaikan. Hanya kepada-Mu jua Ya Allah, tempat kami mengadu dan memohon pertolongan.

Ya Allah! Satukanlah kami atas agama-Mu dan hindarkan kami dari perselisihan serta perpecahan yang berpanjangan. Jadikanlah kami dan keturunan kami orang-orang yang istiqamah mendirikan solat secara berjemaah serta tekun mengimarahkan masjid.

Sesungguhnya hanya kepada-Mu jua Ya Allah, doa kami mohon diperkenan dan diterima.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.
عِبَادَ اللَّهِ،

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ
يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ١٠

فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُواهُ عَلَىٰ نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ

وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.